

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

PENGUATKUASAAN OPS TIMBANG SAWIT

PUTRAJAYA, 1 April 2021 – OPS TIMBANG SAWIT telah dilaksanakan secara operasi bersepadu bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), agensi Cyber Security Malaysia dan syarikat yang dilantik untuk penentusahan timbangan iaitu Metrology Corporation Berhad dan De Metrology Sdn Bhd. Tujuan operasi adalah untuk menangani isu penipuan timbang buah kelapa sawit yang digunakan dalam industri berkenaan.

2. Fokus tindakan OPS TIMBANG SAWIT adalah untuk memastikan alatan timbangan yang digunakan adalah tepat dengan membuat pemeriksaan menyeluruh terhadap perkakasan, perisian atau mana-mana komponen sistem yang digunakan oleh peniaga-peniaga di pusat pengumpulan dan pembelian buah sawit supaya berada dalam keadaan baik. Pemeriksaan juga untuk memastikan alat timbang tersebut telah diuji dan ditentusahkan.

3. Peniaga di pusat pengumpulan dan pembelian buah sawit di bawah pelaksanaan OPS TIMBANG SAWIT juga tertakluk di bawah peruntukan Akta Akta Timbang Sukat 1972 (ATS 1972) dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011). Mereka dikehendaki mempamerkan tanda harga dengan jelas.

4. OPS TIMBANG SAWIT ini, secara langsung memberi kesan positif kepada penjual buah sawit khususnya pekebun kecil kelapa sawit kerana elemen penipuan atau manipulasi alat timbang sawit dapat dielakkan apabila alat timbangan yang tepat atau betul sahaja digunakan dalam urusan niaga tersebut.
5. Pelaksanaan OPS TIMBANG SAWIT secara bersepadu yang telah berakhir pada minggu lepas di utara semenanjung telah menghasilkan 6 kes melibatkan nilai rampasan keseluruhan RM36,850.00. Selain daripada KPDNHEP, MPOB juga turut mengambil tindakan dengan menghasilkan sebanyak 12 kes di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh jabatan berkenaan.
6. KPDNHEP berharap semua pihak yang terlibat dalam industri buah sawit untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara jujur, beretika dan tidak mengambil kesempatan dengan perlakuan manipulasi harga mahupun timbangan. Bagi memastikan pematuhan perundangan yang menyeluruh dalam industri, OPS TIMBANG SAWIT ini akan diteruskan demi kepentingan semua pihak.

#####

**Azman bin Adam
Pengarah Penguat Kuasa
Bahagian Penguat Kuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna
(KPDNHEP)**

1 APRIL 2021

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampunkan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapi dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

